

MEMO
Jabatan Bendahari
Unit Pembayaran

Tel: 6304/6582/6921/6301 Faks: +6054595491

Kepada : Profesor Dr. Abdul Rahim Bin Hamdan
Pengarah
Pusat Latihan Mengajar Dan Industri

Daripada : Bendahari

Ruj. Kami : UPSI/BEN/PEM/687 Jld. 16 (77)

Tarikh : 02 November 2020
16 Rabiul Awal 1442H

Pelaksanaan Langkah Penjimatan Bagi Tuntutan-Tuntutan Kakitangan Program Praktikum/Latihan Mengajar Dan Industri Universiti Pendidikan Sultan Idris Di Peringkat Fakulti

Dengan segala hormatnya merujuk kepada minit kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil 11/2020 bertarikh 02 Oktober 2020 perkara di atas adalah berkaitan.

2. Pada 28 Oktober 2020, Jabatan Bendahari bersama Pulami, Presiden PEKA, wakil Pejabat Perundangan dan Pegawai Khas Timbalan Naib Canselor (A&A) telah mengadakan mesyuarat bagi membuat makluman awal dan memudahkan pelaksanaan langkah penjimatan bagi tuntutan-tuntutan kakitangan program praktikum/latihan mengajar dan industri Universiti Pendidikan Sultan Idris di peringkat fakulti.

3. Untuk makluman pihak tuan, pelaksanaan ini sebagai langkah penjimatan Universiti berdasarkan syiling indikatif Bajet 2021 UPSI yang dibuat pemotongan hampir 40 juta untuk tahun hadapan.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan Bendahari memohon pihak tuan untuk membuat penyelarasan bagi pelaksanaan di peringkat fakulti. Pelaksanaan ini berkuatkuasa pada tarikh kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil 11/2020 bertarikh 02 Oktober 2020. Bersama-sama ini dilampirkan kadar yang diluluskan berdasarkan Minit JKPU bil 11/2020.

Sekian untuk makluman dan tindakan lanjut pihak tuan. Terima kasih.

"UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN"

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A.(M), ASEAN CPA)
Bendahari

s.k. : Timbalan Naib Cancellor (Akademik dan Antarabangsa)
Dekan, Fakulti Pembangunan Manusia
Dekan, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi
Dekan, Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Dekan, Fakulti Muzik Dan Persembahan
Dekan, Fakulti Sains Kemanusiaan
Dekan, Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan
Dekan, Fakulti Sains Dan Matematik
Dekan, Fakulti Seni, Komputeran Dan Industri Kreatif
Dekan, Fakulti Teknikal Dan Vokasional

KEMUDAHAN BAYARAN PRAKTIKUM/LATIHAN MENGAJAR DAN LATIHAN INDUSTRI

Bil.	Perkara	Kadar Sedia Ada	Kadar Baharu
1	Kadar Elaun Perjalanan Kenderaan	RM0.70 / km (kadar mengikut kelas tuntutan dan jarak perjalanan)	RM0.50 / km (tanpa mengambilkira kelas tuntutan dan jarak perjalanan) <i>* kadar ini adalah setara dengan kadar program pesisir UPSI</i>
2	Kadar Bayaran Sewa/Hotel Penginapan	Mengikut Gred Jawatan	i. Gred Jusa C dan ke atas - dengan had maksimum Sebenar (Bilik Biasa) , ii. Gred 45 sehingga 54 - dengan had maksimum RM240.00 , dan iii. Gred 44 dan ke bawah – mengikut kelayakan tugas rasmi Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2013
3	Sewa Kenderaan	Kadar sebenar	RM120.00 (termasuk Praktikum di Sabah/Sarawak)

Bil.	Perkara	Kadar Sedia Ada	Kadar Baharu
4	Kemudahan Perjalanan Dengan Kapal Terbang	Kadar Sebenar (Gred Jawatan)	Kelas Ekonomi (untuk semua Gred Jawatan)
5	Tambang Pengangkutan Awam (jika perlu)	Kadar sebenar / resit	Kadar sebenar / resit i. Pensyarah digalakkan menggunakan pengangkutan awam. ii. Contoh : ETS, KTM Komuter, LRT, MRT, KL Monorail, Grab teksi atau kemudahan e-hailing yang lain mengikut keselesaan dan keperluan tugas rasmi Pensyarah yang memantau.

1. Pelaksanaan **had sempadan negeri yang dibenarkan** bagi penempatan pelajar dan pemantauan oleh pensyarah bagi program Praktikum/Latihan Mengajar dan Latihan Industri merujuk kepada Pekeliling Bendahari bil 5/2019 meliputi had-had sempadan berikut : -
 - (a) Utara – sehingga Pulau Pinang
 - (b) Timur – sehingga Pahang
 - (c) Selatan – sehingga Melaka
2. Tujuan ketetapan had negeri ini diadakan bagi menjimatkan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung Universiti dan melibatkan isu keselamatan kakitangan dan pihak yang terlibat memandangkan jarak perjalanan yang jauh dan memenatkan.
3. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk PULAMI untuk penempatan pelajar dan pemantauan oleh pensyarah yang melangkaui had sempadan negeri di atas, pihak PULAMI dibenarkan membuat permohonan beserta justifikasi dan mendapatkan kelulusan Bendahari UPSI sebelum penetapan penempatan dan pemantauan bagi Praktikum/Latihan Mengajar dan Latihan Industri dilaksanakan.
4. Format **Borang Kebenaran Untuk Mengadakan Persidangan, Seminar, Pameran, Mesyuarat, Kursus Dan Bengkel Di Luar Kampus UPSI yang melangkaui had sempadan negeri yang dibenarkan (Pulau Pinang, Pahang, Melaka).**
5. Justifikasi penetapan cadangan had sempadan negeri di atas adalah merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil 5/2019 : Perbelanjaan Berhemah Bagi Penganjuran Persidangan, Seminar, Pameran, Mesyuarat, Kursus, Bengkel dan Aktiviti Dalam Dan Luar Kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali ke 123 Bil 3/2019 bertarikh 15 Mei 2019.